

KENYATAAN MEDIA

ORANG RAMAI DIMINTA BERHATI-HATI: LELAKI MENYAMAR SETIAUSAHA POLITIK KEMENTERIAN KERJA RAYA BAGI TUJUAN PENIPUAN

KUALA LUMPUR – Pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia telah menerima aduan daripada orang ramai mengenai penipuan seorang lelaki yang mendakwa diri beliau adalah Setiausaha Politik, JUSA C di Kementerian Kerja Raya.

Bermodalkan **surat pelantikan palsu** daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), dan juga surat palsu Kerajaan Negeri Sarawak daripada Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Yusof kepada YAB Dato Amar Abg Abdul Rahman Johari Bin Abg Openg, Ketua Menteri Sarawak, lelaki yang bernama **Abdul Al Haffiz Bin Abdul Aziz**, bernombor kad pengenalan 871030-13-5689, berasal daripada Song, Sarawak telah berhubung dengan orang ramai dengan niat menipu wang ringgit.

KKR ingin menegaskan bahawa Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Yusof tidak pernah sesekali mencadangkan dan menawarkan jawatan setiausaha politik kepada lelaki tersebut. Laporan polis telah dibuat berdasarkan aduan yang diterima daripada mangsa penipuan lelaki tersebut.

Pihak Kementerian juga tidak pernah melantik mana-mana ejen atau wakil untuk sebarang urusan penawaran kontrak kerja daripada Kementerian mahupun agensi. Orang ramai diminta supaya berhati – hati dan tidak tertipu dengan mana – mana individu atau sebarang tawaran yang mencurigakan. Laport segera kepada pihak berkuasa dan juga Kementerian Kerja Raya jika anda didekati oleh individu ini.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

15 MEI 2020

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my